

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN**

(KENINGAU)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.06.2014

Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada GST akan dikenakan cukai 4 peratus seperti dalam pembentangan Rang Undang-undang GST pertama atau 6 peratus seperti yang terbaharu dicadangkan untuk tahun 2015.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Struktur GST yang dicadangkan secara tidak langsung telah menggunakan

pelbagai “kadar” iaitu GST dikenakan pada kadar 6%, kadar sifar atau dikecualikan. Bagi barang dan perkhidmatan yang merupakan komponen asas dalam kehidupan seharian terutamanya kepada mereka yang berpendapatan rendah, Kerajaan telah mencadangkan barang dan perkhidmatan tersebut dikenakan GST pada kadar sifar atau dikecualikan. Ini bermaksud barang dan perkhidmatan perlu seperti makanan asas (beras, gula, tepung, sayuran, daging, ayam, telur ayam dan ikan), bekalan air dan elektrik, perkhidmatan pengangkutan awam, pendidikan dan kesihatan, pembelian dan penyewaan rumah kediaman tidak dikenakan GST. Manakala barang dan perkhidmatan lain yang peratus penggunaannya adalah tinggi bagi mereka yang mampu adalah dikenakan GST pada kadar 6%.

Sekiranya GST dilaksanakan pada kadar 4%, maka Kerajaan tidak akan mendapat menampung kehilangan hasil ekoran dari pemansuhan cukai jualan dan cukai perkhidmatan. Kadar GST 6% yang ditetapkan adalah bagi menjana revenue neutral sahaja pada peringkat awal pelaksanaannya dan bukannya untuk menambahkan hasil. Selain itu, dengan kadar GST 4% Kerajaan tidak akan dapat menyediakan pakej

bantuan cukai dan bukan cukai sepertimana yang telah diumumkan dalam Bajet 2014. Bilangan barang dan perkhidmatan yang tidak dikenakan GST juga perlu dikurangkan bagi mengimbangi kehilangan hasil yang berlaku.